



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 2 Januari 2004

Bilangan 2/2004

Ruj: UMS/PN2.1/P5/2

KEMUDAHAN TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH KEPADA KELUARGA PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan berkenaan keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil. 12/2003 (25) untuk menerimapakai Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003 mengenai Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah Kepada Keluarga Kakitangan Yang Bertukar Wilayah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1978 memperuntukan Tambang Kapal Terbang bagi pengangkutan jenazah dan tambang kapal terbang bagi seorang ahli keluarga kakitangan mengiringi jenazah balik ke kampung untuk dikebumikan.
- 2.2 Walau bagaimanapun, menyedari betapa perlunya kehadiran semua waris untuk turut mengiringi jenazah kakitangan yang meninggal dunia, Kerajaan telah bersetuju agar kemudahan tambang mengunjungi jenazah di panjangkan kepada semua ahli keluarga kakitangan yang masih di bawah tanggungannya.

3.0 PERLAKSANAAN

- 3.1 "Keluarga" bagi maksud pelaksanaan Pekeliling ini adalah bermaksud keluarga kakitangan iaitu isteri/suami dan anak-anak kakitangan yang berumur dibawah 21 tahun dan masih dalam tanggungan kakitangan kecuali anak-anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani.

- 3.2 Perlaksanaan ini juga termasuk kepada kakitangan yang genap dua tahun berkhidmat di luar wilayah asal kakitangan.
- 3.3 Pihak Universiti akan menanggung perbelanjaan tambang bagi semua ahli keluarga yang masih dibawah tanggungan kakitangan untuk mengiringi jenazah ke wilayah asal. Pasangan kakitangan atau seorang ahli keluarga kemudian dibenarkan kembali ke tempat kakitangan berkhidmat untuk urusan perpindahan barang-barang atau tanggungan pihak Universiti.

4.0 PINDAAN

- 4.1 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini maka pindaan perenggan 3 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 tahun 1976 adalah diterima untuk dilaksanakan.


5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa mulai daripada **1 Januari 2004.**

"BERTEKAD CEMERLANG"

Sekian. Terima Kasih.

Yang ikhlas


HELA LADIN MOHD. DAHALAN
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)

3.0 PERLAKSANAAN

- 3.1 "Kakitangan" bagi maksud perbelanjaan tambang ini adalah ahli keluarga kakitangan, iaitu isteri/suami dan anak-anak yang berada dibawah tanggungan kakitangan. Anak-anak yang telah berkahwin dan mempunyai anak-anak yang telah berkahwin akan dikecualikan.